

21 kru bot nelayan ditahan

BH 28/01/24 mls 15

Kuala Terengganu: Sembilan belas warga Thailand antara 21 ditahan pihak berkuasa dalam operasi bersepadu di Jeti Pulau Duyong, dekat sini, tengah malam kelmarin.

Semua yang ditahan membabitkan kru bot nelayan yang berpangkalan di jeti berkenaan, membabitkan pelbagai kesalahan.

Selain Agensi Penguat-

kuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), turut serta dalam operasi kira-kira jam 12 tengah malam itu adalah Jabatan Imigresen dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Mohd Khairulanuar Abd Majid, berkata pihak berkuasa mengesan pelbagai

kesalahan, termasuk kru warga asing yang gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri serta tinggal di negara ini melebihi tempoh dibenarkan.

Selain itu, ada juga warga asing yang tinggal tanpa permit, melanggar syarat permit dikeluarkan serta positif dadah selepas menjalani ujian air kencing.